

Headline	Standard Chartered lanjut pembiayaan Tabung Haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	19,21	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	530 cm ²
Journalist	Mohd Zaky Zainuddin	AdValue	RM 17,550
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,650



Standard Chartered, TH meterai perjanjian pembiayaan *Muka 21*

Standard Chartered lanjut pembiayaan Tabung Haji

Perjanjian RM352.5 juta tumpang kos ubah suai hartanah di UK

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Standard Chartered Saadiq Bhd memeterai perjanjian pelbagai jangka panjang dengan Lembaga Tabung Haji (TH) membabitkan hartanah di luar negara serta perniagaan pelancongan.

Anak syarikat Standard Chartered Bank Malaysia Bhd itu melanjutkan kemudahan pembiayaan bertempoh dua tahun kepada dua anak syarikat milik penuh TH membabitkan jumlah keseluruhan RM352.5 juta.

Dalam satu kenyataan bersama, Standard Chartered Saadiq berkata, pembiayaan patuh syariah yang disalurkan itu bertujuan untuk membaik pulih dan membiayai semula hartanah pejabat TH di United Kingdom (UK).

"Sebahagian daripada dana disalur kepada LTH Property Holdings Ltd bagi membiayai sebahagian pengubahsuaian harta tanah pejabatnya di London, sementara baki diguna untuk pembiayaan semula harta tanah kedua yang dimiliki LTH Property Holdings 2 Ltd di Surrey," katanya.

Di bawah perjanjian pembiayaan, TH memiliki kelonggaran menukar cagaran pembiayaan dari pada tunai kepada sukuk, sekali gus membolehkan ia mengoptimum sepenuhnya pelaburan sukuksa sedia ada.

Bagi Standard Chartered Saadiq pula, penyedia kewangan itu diberi pilihan untuk melanjut-



Mohd Suhaimi (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Ketua Pegawai Strategi yang juga Ketua Kakitangan TH, Hizamuddin Jamalluddin sambil disaksikan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Malaysia, Abrar A Anwar (dua dari kiri) dan Nik Mohd Hasyudeen di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

kan kemudahan pembiayaan untuk tempoh setahun lagi.

"Ini adalah Perjanjian Pembayaan Berstruktur Islam pertama bagi Standard Chartered Saadiq di Asia Tenggara," katanya bank berkenaan.

Perjanjian itu dimeterai di Standard Chartered Bank Offshore Labuan, sekali gus menjadikannya sebagai urus niaga pasaran kewangan pertama bagi entiti luar pesisir.

Selain perjanjian lanjutan pembiayaan, Standard Chartered Saadiq turut memeterai perjanjian dengan anak syarikat TH membabitkan perniagaan pelancongan.

Kumpulan perbankan itu turut memulakan Kempen Umrah 2019 dengan Tabung Haji Travel & Services Sdn Bhd, bagi menawarkan perkhidmatan perjalanan dan lautan lengkap kepada Muslim.

Kempen yang berlangsung se-

hingga 28 Februari 2020, disasarkan untuk menggalakkan pelanggan bank berkenaan menyimpan dengan memberi ganjaran menerusi paket atau baujar perjalanan untuk melawat Makkah dan Madinah.

Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif TH, Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, berkata TH meneruskan usaha untuk meninjau pelaburan strategik pada peringkat domestik dan global.

Katanya, TH juga akan teruskan kerjasama dengan Standard Chartered Saadiq untuk memperkasa rangka kerja pengurusan risiko mata wang rentas sempadan, selain meninjau inisiatif peluang pelaburan dalam alam sekitar, sosial dan tadbir urus.

"Kami berbangga kerana bekerjasama dengan rakan antarabangsa yang kukuh di Standard Chartered Saadiq. Kami akan memanfaatkan hubungan

dengan rakan perbankan asing untuk meminimumkan kos kewangan tidak berdasarkan ringgit untuk mengoptimalkan pulangan.

"TH juga meneroka untuk melindungi nilai pendekatan mata wang sebagai sebahagian daripada pengurusan risiko dalam pelaburan asing dan operasi haji," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Saadiq Malaysia, Mohd Suhaimi Abdul Hamid, berkata keputusan TH bekerjasama dengan syarikat perbankan berkenaan menterjemahkan keyakinan terhadap keupayaan dan rangkaianya untuk menyokong inisiatif pelaburan global dan operasi haji serta umrah di Arab Saudi.

"Kami percaya ini akan membuka peluang kerjasama lanjutan dalam perkhidmatan kewangan untuk pendeposit dan keperluan korporat TH," katanya.